



A collage of images depicting port and shipping activity. It includes stacks of colorful shipping containers at sunset, a worker in a red vest walking across a dock, a large cargo ship at sea, and industrial cranes loading containers onto a ship. The collage is overlaid with large, overlapping geometric shapes in blue, yellow, red, and teal.

# JABATAN **KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

---

**Newsletter**

**2020 | APRIL  
ISSUE**

## Newsletter April 2020

### SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KEWANGAN II



Pada 15 April 2020, satu sesi Taklimat dan Lawatan Kerja Timbalan Menteri Kewangan II, YB Tuan Shahar bin Abdullah ke Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Putrajaya telah diadakan. Beliau menyandang jawatan Timbalan Menteri Kewangan II pada bulan Mac yang lalu dan ini merupakan lawatan pertama beliau ke JKDM. Satu taklimat mengenai sistem uCustoms telah dibentangkan kepada beliau di mana sistem uCustoms telah mula diguna pakai sepenuhnya di Pelabuhan Klang.



### LATIHAN PENGGUNAAN MODUL SHIP CLEARANCE SISTEM UCUSTOMS



- 1) Pada 23 April 2020, pasukan Change Management uCustoms telah mengadakan satu sesi latihan secara online menerusi Microsoft Team khusus bagi ejen perkapalan yang beroperasi di Pelabuhan Klang. Objektif utama latihan ini dijalankan adalah untuk membantu pihak ejen perkapalan menggunakan modul Ship Clearance.
- 2) Modul Ship Clearance yang dibangunkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dengan kerjasama Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah sedia untuk digunakan setelah melalui beberapa siri ujian (pilot test) dengan ejen perkapalan terpilih.
- 3) Sehubungan dengan itu, mulai 1 Mei 2020 (berdasarkan ETA Kapal pada pelabuhan ketibaan) semua permohonan untuk tujuan kelulusan kapal yang membawa kargo (kapal kontena, tangki, kargo pukal, barter trade dan seumpamanya) bagi ketibaan dan belepas di Pelabuhan Klang, Selangor hendaklah menggunakan modul Ship Clearance.



### SESI TAKLIMAT STATUS PROJEK UCUSTOMS



Pada 9 April 2020, pasukan Project Management uCustoms telah mengadakan satu sesi taklimat berkenaan status projek uCustoms bersama YBhg. Dato' Ahmad Maher Bin Abd Jalil, Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman / CDM). Sesi taklimat dijalankan menerusi aplikasi Zoom dari pukul 9.30 pagi sehingga 11.00 pagi. Objektif sesi taklimat ini diadakan adalah untuk mengetahui status terkini projek uCustoms dan membincangkan isu-isu yang berbangkit sebelum dibentangkan kepada Ketua Pengarah Kastam (KPK).



## Newsletter April 2020

### PENGUJIAN PENERIMAAN PENGGUNA (UAT) MODUL CRIMINAL



Pada 9 April 2020, pasukan penguji Brilliance Information Sdn Bhd telah mengadakan Pengujian Penerimaan Pengguna (UAT) bersama end user yang menggunakan modul Criminal. Tujuan sesi ini dijalankan adalah untuk menguji sama ada modul Criminal boleh diterima dan sudah memenuhi kriteria yang ditetapkan. Sesi ini dijalankan di Aras 6, Pejabat uCustoms, Skytech Tower 1, MKN Embassy Techzone, Cyberjaya.



## Newsletter April 2020

### KAJIAN ALIRAN NORMAL EKSPORT uCUSTOMS APRIL 2020



Bermula 13 April 2020, terdapat sepuluh (10) buah syarikat ejen penghantaran yang terpilih untuk membuat pengikraran normal eksport menggunakan sistem uCustoms dan SMK. Syarikat ejen penghantaran yang terpilih adalah seperti berikut:

Syarikat Logistik Petikemas Sdn.Bhd.

Beyond Logistics Sdn. Bhd.

Max Freight Forwarders (M) Sdn. Bhd.

Armada Shipping & Logistics (M) Sdn. Bhd.

Century Logistics Sdn. Bhd.

Schenker Logistics (Malaysia) Sdn. Bhd.

Atama Logistics (M) Sdn. Bhd.

Prelude Gateway Sdn. Bhd.

Uzen Agencies Sdn. Bhd.

Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.

Normal eksport yang dimaksudkan adalah:

1. Pengikraran bagi dagangan eksport bagi status kontena Full Load Container (FCL) dan Empty Container sahaja.
2. Pengikraran eksport (Borang Kastam 2) yang TIDAK melibatkan sebarang pemeriksaan atau kelulusan Other Government Agencies (OGA).
3. TIDAK melibatkan sebarang duti / cess yang kena dibayar ke atas barang yang dieksport.

## Newsletter April 2020

### KAJIAN ALIRAN NORMAL EKSPORT uCUSTOMS APRIL 2020



Maklumat pengikraran bagi bulan April 2020 adalah seperti berikut:

ORGANISASI	uCustoms		SMK	
	B10	B18	B10	B18
Syarikat Logistik Petikemas Sdn.Bhd.	35	178	34	101
Beyond Logistics Sdn. Bhd.	64	256	69	203
Max Freight Forwarders (M) Sdn. Bhd.	33	87	44	186
Armada Shipping & Logistics (M) Sdn. Bhd.	12	81	31	84
CJ Century Logistics Sdn. Bhd.	5	18	0	0
Schenker Logistics (Malaysia) Sdn. Bhd.	36	124	23	147
Atama Logistics (M) Sdn. Bhd.	24	126	50	93
Prelude Gateway Sdn. Bhd.	7	86	35	343
Uzen Agencies Sdn. Bhd.	24	128	49	102
Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.	76	99	39	24
<b>JUMLAH PENGIKRARAN APRIL 2020</b>	<b>316</b>	<b>1183</b>	<b>374</b>	<b>1283</b>